



# Bengkel “Refresh Your Skills@PTA”



Posted on **January 19, 2023**

by **Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang**



BENGKEL

## REFRESH YOUR SKILLS@PTA



17 JANUARI 2023,  
SELASA



9:30 PAGI -  
4:30 PETANG



BILIK IT,  
PTA



### Modul Sirkulasi

Perkongsian oleh:  
**DR MUSLIM ISMAIL**  
Pustakawan Kanan



### Modul Sumber Rujukan (RDA)

Perkongsian oleh:  
**NORDELINA ZULKARNAIN**  
Pustakawan Kanan




13 Januari 2023, Selasa – Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTMCK telah mengadakan **Bengkel “Refresh Your Skills@PTA”** menggunakan medium bersemuka di bilik IT kepada semua staf Perpustakaan Tengku Anis UiTMCK Kampus Machang dan Kampus Kota Bharu bermula jam 9:30 pagi sehingga 4:30 petang.


Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memperkasakan lagi kecekapan staf PUiTM dalam melaksanakan tugas perkhidmatan pelanggan perpustakaan dimasa akan datang mengikut keperluan perkembangan teknologi semasa. Melalui inisiatif ini juga, data dan rekod tugas harian perpustakaan dapat dilaksanakan oleh semua staf menggunakan sistem WILS yang tidak hanya boleh diuruskan oleh staf unit perkhidmatan pelanggan sahaja. Konsep “multitasking” amat penting bagi semua staf PTA.

Terdapat dua modul bagi bengkel ini iaitu:

1. **Modul Sirkulasi** yang disampaikan oleh Dr. Muslim Ismail@Ahmad (Pustakawan Kanan PTA) dibantu oleh Encik Mohd Zalani Mhd Zin (Pembantu Pustakawan Kanan PTA)



2. **Modul Sumber Rujukan (RDA)** yang disampaikan oleh Puan Nordelina Zulkarnain (Pustakawan Kanan PTA) dibantu oleh Encik Mustazim Mustapa (Pembantu Pustakawan Kanan PTA) & Encik Ahmad Ameruddin Fauzi (Pembantu Pustakawan PTA)



Diharapkan semoga bengkel ini dapat membantu staf perpustakaan terutamanya staf PTA UiTMCK dalam menjalankan tugas dengan lebih baik dan bengkel ini juga dibawah SDG: 4 "Quality Education" dan SDG 8: "Decent work and economic growth".

**Disediakan oleh: Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA UiTM Cawangan Kelantan**

**POSTED UNDER** AKTIVITI PERPUSTAKAAN BENGKEL KAMPUS MACHANG, UITM KELANTAN SESI PERKONGSIAN PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS SDG4 SDG8 UITMCK

← **Taklimat Perpustakaan Tengku Anis (PTA) bagi Program UiTM Campus Tour**

**Program Mobile Library (Sesi 2) Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan @ Menara 1, Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam.** →